

Mahathir kesal pembalakan bumiputera pilih 'jalan pintas'

M. 3 JUL 1979

KUALA LUMPUR, 2 Julai — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad kesal kebanyakan pembalakan bumiputera memilih "jalan pintas" (short cut) dengan menjual kawasan-kawasan hutan mereka kepada pihak lain semata-mata untuk mendapatkan untung dengan segera.

Beliau mendedahkan cuma kira-kira 25 peratus dari sebanyak 70.6 peratus kawasan pembalakan yang dikeluarkan kepada bumiputera yang benar-benar diusahakan oleh mereka sendiri.

Timbalan Perdana Menteri juga menganjurkan supaya disegerakan langkah menubuhkan konsortium bagi memperbaiki lagi penyertaan bumiputera dalam perusahaan kayu-kayan.

Berucap merasmikan Seminar Perkayuan Bumiputera di sini, pagi ini, Datuk Sri Dr. Mahathir menarik perhatian: Pengeluaran lesen-lesen pembalakan oleh kerajaan-kerajaan negeri kepada bumiputera menunjukkan satu perubahan yang positif.

Katanya, sehingga

"Persatuan kayu-kayan bumiputera mungkin dapat memberi maklumat tentang sama ada benar atau tidak kebanyakan pembalakan bumiputera menjual sesuatu kawasan bulat-bulat kepada pihak lain untuk mendapatkan untung dengan segera," ujarnya.

Menyentuh tentang penyertaan bumiputera dalam perusahaan kilang papan, beliau berkata dari jumlah 551 buah kilang papan yang dilesenkan dan berjalan aktif cuma 70 buah saja dilesenkan kepada bumiputera atau kira-kira 12.7 peratus.

"Dari jumlah 70 buah itu pula hanya 27 atau 5 peratus saja yang sebenarnya dijalankan oleh bumiputera," ujarnya.

Mei 1979 jumlah lesen yang dikeluarkan kepada bumiputera 74 peratus dan dalam jangka masa yang sama lebih kurang 70.6 peratus dari jumlah keluasan kawasan telah diberi kepada bumiputera.

Beliau menegaskan, peningkatan yang dicapai adalah selaras dengan cita-cita kerajaan untuk meningkatkan lagi penyertaan bumiputera dalam sektor perusahaan ini.

Bagaimanapun Datuk Sri Dr. Mahathir menisifatkan kedudukan penyertaan bumiputera dalam bidang pembalakan adalah mengecewakan.

Timbalan Perdana Menteri tidak puashati kerana hanya kira-kira 25 peratus dari 70.6 peratus dari jumlah keluasan kawasan hutan yang diberikan kepada bumiputera yang benar-benar diusahakan oleh mereka sendiri.

Di samping itu, tambahnya, penyertaan bumiputera dalam bidang pengilangan papan lapis/veniar dan kilang-kilang kumai (mouldings) adalah amat kecil sekali — dari 35 buah yang dilesenkan, hanya sebuah atau 2.8 peratus dimiliki oleh bumiputera bagi kilang kayu lapis dan dari 66 kilang kumai cuma tiga kepunyaan bumiputera.

Menurutnya, dalam bidang pemasaran kayu-kayan pula jumlah pengusaha bumiputera yang berdaftar dengan Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia sebagai pengeksport telah meningkat dari 18 dalam 1973 kepada 145 dalam tahun lalu.

"Bagaimanapun saya difahamkan bilangan yang benar-benar aktif adalah cuma 97 atau 17 peratus saja daripada jumlah pengeksport bumiputera yang berdaftar," jelasnya.